



Fail: () KPKT/BPK/19/7/4 Klt.36

Tarih: 12 September 2011

SIARAN MEDIA

PERUNTUKAN KHAS PEMBANGUNAN RM14.7 JUTA KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SABAH DAN SARAWAK

MIRI, 12 September - Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyerahkan peruntukan khas BP1 kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Sabah dan Sarawak hari ini.

2. Di bawah peruntukan khas BP1 ini, KPKT menyalurkan RM7.2 juta kepada 24 PBT Sabah bagi pelaksanaan 308 projek. Manakala RM7.5 juta kepada 25 PBT Sarawak bagi pelaksanaan 382 projek. Ini menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan khas yang disalurkan kepada PBT Sabah dan Sarawak ini sebanyak RM14.7 juta.

3. Di majlis ini juga RM300,000 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu Sahaja) diberikan kepada setiap PBT Sabah dan Sarawak bagi melaksanakan projek pembangunan kecil seperti kerja-kerja pembaikan / menaik taraf jalan, longkang, parit, tandas, dewan dan sebagainya. Peruntukan ini telah pun disalurkan terus ke dalam akaun setiap PBT secara *Electronic Fund Transfer (EFT)*.

4. Terdahulu, bagi tahun ini sehingga 30 Ogos , KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan(JKT) telah mengagihkan peruntukan BP.1 sebanyak RM32,830,000 kepada PBT negeri Sabah dan RM33,547,159.52 kepada PBT negeri Sarawak bagi pelaksanaan projek-projek kecil di kawasan PBT.

5. Selain itu, di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) yang lepas, Kerajaan Persekutuan melalui JKT telah menyalurkan peruntukan pembangunan BP1 sebanyak sebanyak RM157.62 juta bagi melaksanakan 4,843 projek-projek kecil di 26 PBT negeri Sarawak.

6. Bagi negeri Sabah pula, dalam tempoh Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMKe-9) yang lepas, peruntukan BP1 sebanyak RM199.29 juta telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kerajaan Tempatan kepada 22 PBT negeri Sabah bagi melaksanakan 1,874 projek.

7. Penyaluran peruntukan pembangunan RMKe-9 adalah selaras dengan Teras Keempat Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu Meningkatkan Tahap dan Kemampunan Kualiti Hidup bagi membantu PBT melaksanakan pembangunan pembangunan fizikal dan sosio-ekonomi untuk meningkatkan taraf hidup setempat dengan membina dan menaiktaraf jalan, projek kemudahan awam seperti membina dan menaiktaraf balairaya, pondok pondok menunggu bas, tandas awam dan projek-projek sosio-ekonomi seperti projek membina dan menaiktaraf pasar awam, gerai dan tapak pasar tamu.

8. Daripada jumlah keseluruhan RM356.91 juta yang telah diperuntukkan kepada PBT Sabah dan Sarawak tersebut, sebanyak RM341.91 juta atau 95.79% telah dibelanjakan sehingga Disember 2010. Semua projek telah berjaya disiapkan pada tahun tersebut.

9. Semua peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat ini mestilah dibelanjakan bagi menyediakan infrastruktur dan kemudahan awam bagi kemudahan masyarakat setempat dengan segera.

10. Majlis ini turut dihadiri oleh Y.B. Datuk John Sikie anak Tayai, Menteri Muda Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam Sarawak, Y.Bhg. Dato' Ahmad bin Haji Kabit, Ketua Setiausaha KPKT, Y.Bhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak Ketua Pengarah, Jabatan Kerajaan Tempatan KPKT, Encik Lawrance Lai Yew Son, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Miri, Datuk Bandar, Pengerusi dan Presiden PBT Sabah dan Sarawak serta Pegawai Kanan KPKT.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Wira Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my
